

**KENYATAAN MEDIA**  
**UNTUK SIARAN SEGERA**

**PHARMANIAGA BANTU ATM UNTUK PROGRAM SEMARAK  
PENDIDIKAN KELAS 3M**

**SABAH, 29 OGOS 2022** – Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) telah menghulurkan bantuan peralatan pendidikan kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam menyelia serta menguruskan projek pembelajaran di bawah Program Semarak Pendidikan Kelas 3M (Membaca, Menulis, Mengira) di Pulau Berhala di Sandakan, Sabah.

Lawatan ini bertujuan melihat lebih jelas terhadap peranan ATM dalam menjaga keselamatan dan keamanan masyarakat setempat, di samping mendidik kanak-kanak yang tidak berpeluang menerima pendidikan formal.

Kelas 3M ialah sebuah program pembelajaran asas telah dibina serta diselia oleh ATM sejak 1992 mempunyai lebih 300 pelajar berumur 5 hingga 16 tahun. Mereka diajar menulis, membaca dan mengira, termasuklah pengisian semangat patriotisme dan aspek kerohanian menerusi kelas mengaji.

Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga, Datuk Zulkarnain Md Eusope berkata lawatan ini bersempena sambutan bulan kemerdekaan di mana Pharmaniaga menghargai peranan ATM dalam menjaga kedaulatan negara.

“Bagi kami, projek ini adalah sisi lain ATM di mana mereka menunjukkan sisi kasih sayang kepada masyarakat. Sisi ini juga penting di dalam usaha jangka masa panjang ATM mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan negara.

“Projek ini juga selaras dengan *Matlamat Kelestarian Pharmaniaga* iaitu *Membina Masyarakat yang Lebih Mampun* demi keamanan negara, keharmonian rakyat dan kemakmuran ekonomi.

“Untuk kali ini, Pharmaniaga menaja keperluan pelajar-pelajar seperti pakaian sekolah, kasut, beg, alat tulis dan buku-buku untuk meningkatkan motivasi mereka hadir ke sekolah,” tambah Datuk Zulkarnain.

Pharmaniaga juga komited untuk terus menyokong projek ATM ini bagi jangka masa panjang, ujar beliau lagi.

Pengarah Pendidikan ATM Kolonel Mohd Shukri Mohd Ghazali berkata kerjasama ini akan diteruskan supaya manfaatnya dapat disalurkan kepada masyarakat setempat, malahan menyumbang kepada kestabilan negara Malaysia. Kolonel Mohd Shukri juga menghargai pembabitan Pharmaniaga dan menyeru syarikat-syarikat lain untuk terlibat dalam menjayakan program kemasyarakatan ATM seperti ini.

Pharmaniaga adalah sayap perniagaan farmaseutikal untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan bersama-sama Lembaga Tabung Angkatan Tentera, merupakan pemegang-pemegang saham utama Syarikat.

-TAMAT

---

#### **MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD**

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti. Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rantaian perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi 03 3342 9999 sambungan 434 atau melalui emel [comms@pharmaniaga.com](mailto:comms@pharmaniaga.com).